

Praktis**7****BAB 7****Peningkatan Tamadun India dan China**

Hal. Buku Teks: 138 – 157

Bahagian AJawab **semua** soalan.


1. Maklumat berikut tentang perkembangan Tamadun India.

Perubahan berlaku dalam perkembangan Tamadun India selepas Tamadun Indus berakhir. Perubahan ini merupakan tahap kedua dan menjadi asas penting dalam Tamadun India.

Maklumat tersebut merujuk kepada kemunculan kerajaan kecil, iaitu

- A Manjara.
- B Janapada.
- C Maharaja.
- D Mahajanapada.

2. Peta berikut merupakan peta Magadha yang terletak di timur laut India.



Kemunculan Magadha memainkan peranan penting dalam perubahan politik dan menjadi asas kemunculan kerajaan-kerajaan lain.

Apakah kerajaan lain?

- A Asoka
- B Gupta
- C Kalinga
- D Pataliputra

3. Mengapakah perluasan kuasa dalam Tamadun India berubah daripada secara fizikal kepada secara keagamaan?

- A Memastikan hak rakyat dibela
- B Memastikan Raja sentiasa berkuasa
- C Memastikan kesejahteraan dan perdamaian
- D Memastikan Raja dan rakyat bekerjasama

4. Apakah faktor perluasan kuasa dalam Tamadun India?

- I Kekuatan tentera
- II Kewangan
- III Bahan mentah
- IV Kerjasama pihak tempatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Apakah faktor perluasan kuasa ketika zaman Dinasti Nanda?

- A Mempunyai seribu tentera berkuda
- B Mempunyai 3,000 tentera memanah
- C Mempunyai 2,000 tentera bergajah
- D Mempunyai 200,000 tentera berjalan kaki

6. Gambar berikut merupakan patung Chandragupta Maurya.



Chandragupta Maurya berjaya membentuk sebuah empayar yang luas meliputi wilayah Bengal di sebelah timur hingga Hindu Kush.

Di manakah letaknya pusat pemerintahan Dinasti Maurya?

- A Nellore
- B Kalinga
- C Harapa
- D Pataliputra

7. Asoka berjaya menakluki kebanyakan kawasan termasuklah Kalinga. Apakah kesan daripada perluasan kuasa Asoka?

- A Tamadun hancur
- B Kampung musnah
- C 100 ribu orang terbunuh
- D Pergaduhan antara rakyat

8. Gambar berikut merupakan Tiang Asoka.



Apakah tujuan Asoka membina tiang tersebut?

- A Menakutkan musuh
- B Menunjukkan kekuasaan
- C Simbol sesebuah tamadun
- D Mengukuhkan pembinaan negara

9. Sekiranya pemerintahan Asoka menekankan agama Buddha, ketika zaman Gupta pula menekankan agama Hindu.

Apakah aspek yang diberikan penekanan oleh Gupta?

- A Agama
- B Bahasa
- C Kesusasteraan
- D Kesejahteraan

10. Maklumat berikut berkaitan Tamadun China.

Tamadun China mengalami peningkatan pendidikan yang sangat pesat hingga membolehkannya menjadi antara negara teragung dunia.

Pendidikan berkembang pesat semasa zaman

- A Dinasti Han.
- B Dinasti Tang.
- C Dinasti Ming.
- D Dinasti Ching.

11. Siapakah pemimpin yang telah bertanggungjawab menyatukan China?
A Maharaja Zheng
B Maharaja Gaozu
C Maharaja Han Wu Di
D Maharaja Shi Huangdi
12. Han Fie Zi menekankan pendidikan yang melibatkan pemahaman perundangan. Apakah keutamaan pendidikan tersebut?
A Mematuhi undang-undang
B Ketegasan undang-undang
C Toleransi dalam masyarakat
D Pemahaman undang-undang
13. Maklumat berikut berkaitan pendidikan di China.

Pada zaman Dinasti Han, sistem pendidikan semakin diperkukuh di China. Wujudnya teknologi pembuatan kertas oleh Cai Lun.

Apakah antara bahan yang digunakan untuk pembuatan kertas?

- I** Campuran kulit pokok
II Pewarna
III Kain
IV Jaring
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14. Mengapakah lulus dalam peperiksaan awam merupakan matlamat utama pendidikan seorang anak lelaki di China?
A Mendapat tanah
B Berpeluang menjadi Pembesar
C Namanya dicatat dalam buku suci
D Menerima tajaan daripada penduduk kampung
15. Terdapat tiga tahap peperiksaan perkhidmatan awam. Apakah ciri tahap peperiksaan perkhidmatan awam yang kedua?
A Kadar kelulusan 1 nisbah 120
B Tempoh peperiksaan 13 hari
C Terbuka kepada semua orang
D Tempoh peperiksaan sehari